

08/07/1998

Malaysia, Sudan bincang langkah susulan

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Sudan hari ini berbincang mengenai langkah susulan pelaksanaan perjanjian kerjasama antara kedua-dua negara yang ditandatangani Mei lalu.

Ketiga-tiga perjanjian itu, yang dimeterai ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu Mei lalu, membabitkan perjanjian jaminan pelaburan, promosi perdagangan serta pertukaran kebudayaan dan teknikal.

Menteri Luar Sudan, Dr Mustafa Osman Ismail, berkata lawatannya bertujuan mengadakan perbincangan lanjut dengan pemimpin Malaysia mengenai perjanjian itu.

"Saya berada di sini untuk menggerakkan perjanjian itu. Saya akan berjumpa Perdana Menteri bagi memberi taklimat kepada beliau mengenai langkah susulan itu.

"Saya juga akan mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan dan beberapa menteri lain seperti Menteri Pengangkutan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Datuk Seri Anwar Ibrahim, di pejabatnya hari ini.

Mengenai perbincangan dengan Anwar, Dr Mustafa berkata, mereka juga berbincang mengenai langkah susulan bagi perjanjian itu selain kerjasama ekonomi, politik dan sosial.

Katanya, kerjasama Malaysia-Sudan memang erat memandangkan kedua-dua negara turut menganggotai beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Berkecuali (NAM).

Mengenai pelaburan Malaysia di sana, Dr Mustafa berkata, Petronas menjadi pelabur utama di Sudan dalam bidang minyak dan emas. "Mungkin juga mereka akan memperluaskan pelaburan ke dalam bidang pertanian," katanya.

(END)